

UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

“LIBRARY for ALL” ISSN : 2289-9537

e-BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

[f www.facebook.com/library.uitm](https://www.facebook.com/library.uitm)[g www.instagram.com/ptaruitm](https://www.instagram.com/ptaruitm)[e perpustakaanuitm.blogspot.my](http://perpustakaanuitm.blogspot.my)

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menganjurkan **Seminar Amalan Terbaik Perpustakaan UiTM** pada 7-8 Februari 2017 bertempat di Dewan Annexe, UiTM Shah Alam yang dipengerusikan oleh Puan Roslina Mohamad Ali, Ketua Jabatan Pengurusan Perpustakaan. Penganjuran Seminar Amalan Terbaik perpustakaan UiTM ini yang bertemakan '**Kelestarian Kewangan**' adalah satu platform yang terbaik bagi menjana idea dan strategi dalam usaha mengarusperdanakan agenda amalan terbaik di PTAR.

Antara objektif utama seminar ini adalah untuk:

1. Mengadaptasi amalan terbaik dalam aspek penjanaan kewangan
2. Membentuk budaya penjanaan kewangan dikalangan warga Perpustakaan UiTM
3. Mengenangkan inovasi penjanaan kewangan Perpustakaan UiTM
4. Memberi pengiktirafan kepada Perpustakaan UiTM yang cemerlang dalam pencapaian masing-masing
5. Melahirkan warga Perpustakaan yang berfikir di luar kotak, kreatif dan berdaya saing sejajar dengan halatuju Universiti

Seminar ini telah dirasmikan oleh **YBhg. Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad, Penolong Naib Canselor UiTM (Strategi)** pada 8 Februari 2017. Seminar yang berlangsung selama dua hari iaitu pada 7 dan 8 Februari telah menampilkan lima (5) penceramah jemputan.



Seminar Amalan Terbaik Perpustakaan UiTM 2017

Oleh: Pn. Adlina Abdullah

Penyertaan seminar ini terdiri daripada staf Perpustakaan UiTM Shah Alam & Selangor dan Wakil Perpustakaan UiTM Cawangan (4 wakil) setiap cawangan.

Penganjuran seminar ini diharap akan dapat membantu setiap warga PTAR mewujudkan satu budaya penjanaan kewangan di kalangan warga Perpustakaan UiTM yang akan menjadi titik tolak kepada pembangunan modal insan yang berdaya saing dalam membina kecemerlangan, berprestasi tinggi dan bersikap positif di dalam mengejar pendidikan, keilmuan dan kreativiti yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.



Pembentangan	Tajuk	Penceramah
Pembentangan 1	Garis Panduan Penjanaan Pendapatan	Tn Hj. Mazlan Hashim, Ketua Timbalan Bendahari, Pejabat Bendahari UiTM
Pembentangan 2	Endowmen	En. Samsudin Ibrahim, Timbalan Ketua Pustakwan, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Pembentangan 3	Amalan Terbaik Strategic Business Unit (SBU)	Prof Madya Dr. Roslani B. Embi, Pengarah Institute of Neo Education (iNED), UiTM
Pembentangan 4	Amalan Terbaik Penjanaan	En. Norizan B. Sharif, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)
Pembentangan 5	Amalan Terbaik Penjimatan dan Penjanaan Organisasi	Malaysian Productivity Corporation (MPC)

Di samping itu, seminar ini dapat memberi bukan sahaja pendedahan dan pengetahuan kepada warga PTAR, bahkan menjadi satu transformasi kepada setiap warga PTAR daripada pelbagai gred, jabatan dan bahagian untuk menghasilkan kreadibiliti yang hebat, penghasilan yang berkualiti yang mampu meletakkan PTAR sendiri sebagai sebuah organisasi yang bukan sahaja sebagai pusat gedung ilmu malah sebagai satu fenomena yang baru dalam pengeluaran idea-idea yang berinovasi dan menjadi rujukan dalam memartabatkan seminar amalan terbaik secara keseluruhannya.



TAKLIMAT & BENGKEL PENYEDIAAN

Oleh: Pn. Aznur Umiza Abu Kassim

Laporan Kecemerlangan Operasi (OE)



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menganjurkan Taklimat dan Bengkel Penyediaan Laporan Kecemerlangan Operasi pada 16 dan 21 Februari 2017 bertempat di UiTM Shah Alam. Kecemerlangan Operasi atau dikenali sebagai **Operational Excellence (OE)** bermaksud falsafah kepimpinan, kerja berpasukan dan penyelesaian masalah untuk peningkatan yang berterusan di seluruh organisasi dengan memberi tumpuan kepada keperluan pelanggan, memberi kuasa kepada pekerja dan mengoptimumkan



BENGKEL Operational Excellent

Taklimat OE telah dihadiri oleh 36 orang staf yang terdiri daripada staf Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pelaksana. Manakala Bengkel OE pula dihadiri oleh 21 orang staf yang terdiri daripada staf Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pelaksana.

Antara objektif utama taklimat:

1. Mendapat kefahaman mengenai kecemerlangan operasi dengan jelas.
2. Mendapat kefahaman mengenai teknik KIK untuk penambahbaikan proses kerja.
3. Menyediakan dokumen bagi laporan kecemerlangan operasi.

LAWATAN AKADEMIK & RUJUKAN ILMIAH

Oleh: Tn. Hj. Ahmad Faizar Jaafar

SMK Taman Johor Jaya 1, Johor Bahru



Pada 8 Februari 2017 (Rabu) Perpustakaan Tun Abdul Razak Utama telah menerima kunjungan Pelajar Tingkatan 6 Atas dari SMK Taman Johor Jaya 1, Johor Bahru. Objektif utama lawatan akademik dan rujukan ilmiah ini adalah untuk memenuhi keperluan Kerja Kursus Penggal 2 STPM 2017.

Program telah dikendalikan oleh Bahagian Perkhidmatan Akademik (Pn. Asmah Maaroff, Pn. Siti Aishah Sadan, Pn. Jaz Norfazuna Jaafar dan Cik Zalifah Awang Zakaria) dengan kerjasama Bahagian Perhubungan Korporat (Tn. Hj Ahmad Faizar Jaafar). Pelajar telah diberi taklimat tentang Perpustakaan Tun Abdul Razak serta teknik pencarian tesis UiTM, Pangkalan Data UiTM dan bahan-bahan perpustakaan.

**Jumlah Pelajar: 111 orang pelajar
Jumlah Guru: 24 orang
Masa: 9.30 pagi - 3.00 petang**



PAMERAN AMALAN TERBAIK & KECEMERLANGAN PERPUSTAKAAN UiTM

Oleh: Pn. Adlina Abdullah



Bahagian Penerbitan & Pameran PTAR Shah Alam telah mengadakan pameran Amalan terbaik & Kecemerlangan Perpustakaan UiTM. Sebanyak 6 poster, piala-piala dan sijil-sijil kemenangan dari Koleksi Bahagian Kualiti, PTAR , UiTM Shah Alam telah dipamer sepanjang pameran ini berlangsung.

Piala-piala dan sijil-sijil kemenangan ini hasil pencapaian Perpustakaan UiTM yang diperolehi dari pertandingan di peringkat kebangsaan dan juga peringkat antarabangsa. Pameran ini bertujuan untuk memberi inspirasi dan menerap nilai-nilai kecemerlangan di kalangan warga perpustakaan khususnya dan warga UiTM amnya.. Persiapan pameran ini telah dilakukan oleh staf Jabatan Pengurusan Pengurusan Perpustakaan PTAR.




Penganjuran pameran ini selaras dengan penganjuran Seminar Amalan Terbaik Perpustakaan UiTM yang berlangsung pada 7 & 8 Februari di UiTM Shah Alam. Pameran dan seminar ini diharap dapat memotivasi warga UiTM khususnya warga PTAR untuk melahirkan modal insan yang berpengetahuan dan produktif dalam memacu negara mencapai taraf negara membangun menjelang tahun 2020.



BENGKEL PRA PENGINDEKSAN KUMPULAN PELAKSANA

Oleh: Pn. Jaz Norfazuna Jaafar

Pengindeksan perkara telah dikenalpasti sebagai salah satu Projek Inisiatif Perancangan Strategik PUitm (2016 - 2020) sebagai memenuhi kerangka Agenda Perkhidmatan. Hasil dari Bengkel Pembentangan Perancangan Strategik PUitm 2016 - 2020 pada November 2015 yang lalu, Bahagian Perkhidmatan Akademik telah diberi tanggungjawab merealisasikan projek inisiatif ini bagi semua perpustakaan UiTM. Bagi menjayakan projek inisiatif ini, Bengkel Pra Pengindeksan Kumpulan Pelaksana telah diadakan pada 21 Februari 2017 anjuran Bahagian Perkhidmatan Akademik, Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan, Perpustakaan Tun Abdul Razak. Bengkel ini telah diadakan di Bilik KKM, Perpustakaan Undang-Undang Tun Abdul Razak bermula pukul 9.00 pagi sehingga 1.00 tengah hari.



Bengkel pra-pengindeksan kumpulan pelaksana ini telah dilaksanakan bagi memberi pendedahan kepada Pembantu Pustakawan mengenai cara-cara pelaksanaan pengindeksan surat khabar menggunakan Modul Article Indexing, di dalam Sistem WILS. Selain itu, bengkel ini juga memberi tunjuk ajar cara-cara melaksanakan pengindeksan surat khabar dari segi crop artikel carian, simpan ke server dan melakukan pra-pengindeksan. Bengkel ini telah dihadiri oleh Pembantu Pustakawan di setiap perpustakaan fakulti dan penceramah dari wakil Bahagian Perkhidmatan Akademik iaitu Puan Jaz Norfazuna Jaafar dan Encik Mohd Hazri Abd Karim. Bahagian Perkhidmatan Akademik berharap projek pengindeksan yang dirancang ini dapat menghasilkan pangkalan data indeks perkara mengikut keperluan penyelidikan universiti. Disamping dapat meningkatkan discovery, menyokong kenampakan dan juga meningkatkan penggunaan bahan perpustakaan.

***"...salah satu Projek
Inisiatif Perancangan
Strategik PUitm
(2016 - 2020)..."***



AKTIVITI BAHAGIAN

Oleh: Cik Zayani Zakaria

Bahagian Terbitan Bersiri & Sumber Elektronik



Perjumpaan bersama wakil Emerald

Membincangkan agenda Emerald



Perjumpaan bersama Penasihat Undang-undang UiTM

Membincangkan mengenai lesen perjanjian e-Book & PDAT



Latihan Pangkalan Data Atas Talian EBSCO



Latihan penggunaan PDAT EBSCO kepada Pustakawan Rujukan (konsultasi)

MAJLIS TAZKIRAH BULAN FEBRUARI

Oleh: Pn. Adlina Abdullah



Tarikh: 24 Februari 2017 (Jumaat)
Masa: 8.30 pagi hingga 9.30 pagi
Tempat: Bilik Seminar PTAR Utama
Penceramah: Ustaz Mohd Hafiz Mohd Hasan
Tajuk: Mengenal diri dan Allah

Tazkirah bagi bulan Februari 2017 mengupas mengenai mengenali Allah . Mengenali Allah dapat mendorong seorang muslim hidup istiqomah dalam keimanan dan ketakwaan, mengenali Allah melalui 4 cara iaitu:

1. Meyakini wujudnya Allah
2. Meyakini keesaan Rububiyyah Allah(mencipta, memiliki, mengatur, menguasai)
3. Mengenal uluhiyah Allah
4. Mengenal nama-nama dan sifat Allah



BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK SIRI 1

Oleh : En. Mohd Anuar Mohd Maasom



UiTM Cawangan Selangor telah mengadakan bengkel perancangan strategik yang fokus utamanya adalah untuk menjelaskan tentang perancangan UiTM Cawangan Selangor bagi memenuhi agenda utama Universiti selaras dengan Visi, Misi dan teras Universiti.

Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Selangor juga terlibat secara langsung dalam bengkel tersebut bagi menggariskan strategi dan inisiatif penting bagi mendokong halatuju UiTM.

Bengkel yang telah diadakan dalam DUA siri tersebut, melibatkan semua pegawai pengurusan dan profesional UiTM Cawangan Selangor. Fokus utama bengkel perancangan strategik tersebut adalah kepada LIMA teras utama iaitu :

- 1. Pengajaran dan Pembelajaran**
- 2. Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan**
- 3. Akademik, Industri dan Masyarakat**
- 4. Kepimpinan**
- 5. Keusahawanan**

Semoga apa yang telah diperoleh sepanjang bengkel tersebut memberi impak dalam usaha melastarikan kecemerlangan ilmu di UiTM, khususnya UiTM Cawangan Selangor.



Tarikh : 1 Februari 2017
Masa : 8.30 pagi - 5.00 petang
Tempat: UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam
Fasilitator : Dr. Ainul Azreen Adam (CSPI)

BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK SIRI 2

Oleh : En. Mohd Anuar Mohd Maasom



Tarikh : 15 & 16 Februari 2017
Masa : 8.30 pagi - 5.00 petang
Tempat: Pusat Latihan Pembangunan dan Kepimpinan (ILD)
Fasilitator: Dr. Ainul Azreen Adam (CSPI)

PERJUMPAAN DENGAN REKTOR UiTM CAWANGAN PERLIS

Oleh: Pn. Sharifah Jalina bt. Syed Ali



Pada 17 Februari 2017 jam 4.00 – 5.00 petang telah diadakan pertemuan antara Tuan Rektor YBrs. Encik Zailudin b. Ariffin dengan semua kakitangan Perpustakaan bertempat di Bilik Seminar Perpustakaan. Turut hadir ialah Timbalan Bendahari dan Timbalan Pendaftar Kanan UiTM Cawangan Perlis. Pertemuan ini adalah untuk memenuhi agenda lawatan dari masa kesemasa Tuan Rektor ke bahagian-bahagian di dalam kampus. Di dalam pertemuan tersebut berbagai masalah dan permohonan telah diutarakan oleh kakitangan kepada beliau untuk perhatian dan tindakan lanjutan

BENGKEL PENGEMASKINIAN FAIL MEJA KAKITANGAN PERPUSTAKAAN

Bengkel tersebut yang bertempat di Bilik Seminar Perpustakaan telah diadakan pada 20 Februari 2017 jam 9.00 hingga 12.30 tengahari. Ianya merangkumi Fail Meja semua gred jawatan dan unit tempat bertugas kakitangan. Bengkel dikendalikan oleh Encik Mohd Fauzi Md Zain Ketua Unit Perkhidmatan Pelanggan. Setiap kakitangan mempunyai tempoh 2 minggu untuk mengemaskini:

**Bahagian A – D fail meja sebelum bengkel kedua
Bahagian E – F pada 3 Mac 2017 dan bengkel ketiga
Bahagian G – I pada 17 Mac 2017**



TAZKIRAH TERBUKA PERPUSTAKAAN BULAN FEBRUARI



Tazkirah berkenaan telah berlangsung pada 23 Februari jam 3.00 – 5.00 petang bertempat di Bilik Seminar Perpustakaan. Penceramah jemputan ialah Prof. Madya Marzukai Ibrahim dengan tajuk **Kepentingan Memahami Hubungkait Antara Ilmu, Iman Dan Amal Dalam Islam**. Lebih kurang 40 kakitangan telah hadir dan di logkan ke jam latihan kakitangan

MAJLIS JASA MU DI KENANG

En. Shah Budin Embang Jaya

Oleh: Cik Hazlin Ibrahim Khan



Pada 1 Februari 2017, Staf Perpustakaan UiTM Melaka telah mengadakan **Majlis Jasa Mu di Kenang** bagi En. Shah Budin Embang Jaya, Pembantu Pemuliharaan Kanan, Perpustakaan UiTM Melaka yang akan bersara pada 24 Mei 2017. Perpustakaan UiTM Melaka mendoakan bagi beliau selepas bersara nanti, kehidupan yang penuh gembira, ceria dan bahagia, serta dikurniakan dengan kesihatan, kesejahteraan, ketenteraman dan ketenangan.

Lawatan Akademik Antarabangsa Universitas Putra Indonesia "YPTK", Padang, Indonesia

28 Februari 2017



Unit Komunikasi Korporat, UiTM Melaka telah menganjurkan program Lawatan Akademik Antara-bangsa Universitas Putra Indonesia "YPTK", Padang, Indonesia 2017 bagi menjalinkan hubungan kerjasama dalam pelbagai bidang dan berkongsi kepakaran antara dua buah institusi terlibat. Sehubungan dengan itu, agenda lawatan ke Perpustakaan UiTM Melaka telah dirancang bagi mem-beri pendedahan dan peluang peserta untuk melihat kelancaran pengurusan operasi di perpus-takaan.

PROGRAM GAYA HIDUP SIHAT

HEARTRACE 2017: ZOOMANJI

Oleh: Cik Ilya Nur Fateen Othman

Pada 02 Februari 2017, Pusat Sumber UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya telah mengikuti **Program Gaya Hidup Sihat Heartrace: Zoomangi** di Zoo Melaka Ayer Keroh. Program ini telah dianjurkan oleh Unit Kesihatan UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya. Kesemua 9 orang Staf Pusat Sumber Kampus Bandaraya Melaka telah mengikuti program ini dan diberi kepada 3 kumpulan iaitu kumpulan merah, kumpulan ungu dan juga kumpulan biru muda. Disamping dapat mengenal dan melihat haiwan-haiwan di zoo itu dengan lebih dekat, program ini juga telah mengeratkan lagi silaturrahim antara kami staf Pusat Sumber dan staf-staf dari unit lain juga.



Seminar Amalan Terbaik Perpustakaan UiTM 2017: Little Free Library


Pada 07-08 Februari 2017, Pusat Sumber UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya telah mengikuti Seminar Amalan Terbaik Perpustakaan UiTM 2017. Pusat Sumber Kampus Bandaraya mewakili Perpustakaan UiTM Melaka dengan memperkenalkan projek '**Little Free Library**'.

Perpustakaan UiTM Melaka telah diwakili oleh Timbalan Ketua Pustakawan, Puan Rozaimah Mat Sidek, Pustakawan Kanan Cik Hazlin Ibrahim Khan, Encik Mohd Ismail Abidin dan Puan Siti Haidah Md Aziz.



GOTONG-ROYONG PUSAT SUMBER KAMPUS BANDARAYA MELAKA

Oleh : Cik Ilya Nur Fateen Othman




Pada 14 & 17 Februari 2017, Pusat Sumber UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya telah mengadakan gotong-royong di kedua-dua Aras 1 dan Aras 12. Gotong-royong dimulakan dengan menukar sarung sofa, mengemas stor Aras 12 dan Aras 1. Selain daripada itu, Pusat Sumber Aras 1 telah menukar bilik KBR kepada bilik perbincangan. Ini adalah kerana Pusat Sumber tiada ruang untuk dijadikan sebagai bilik perbincangan. Oleh itu, kami mengubahsuai bilik tersebut dengan mengecat dan menampal kertas dinding. Beberapa kemudahan disediakan di bilik perbincangan tersebut seperti, TV (HDMI) dan network untuk penggunaan Internet. Pada minggu itu juga, kami beramai-ramai membuat '**Shelves Reading**' ini untuk memastikan buku-buku tersebut dalam keadaan tersusun mengikut nombor kelas yang telah sedia ada.



MESYUARAT PUSAT SUMBER, KELAB & 5S

Oleh : Cik Ilya Nur Fateen Othman



Pada 15 Februari 2017, Pusat Sumber UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya telah mengadakan Mesyuarat Pusat Sumber bersama Penolong Rektor UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya, Dr. Ismadi Md Badarudin. Mesyuarat di teruskan dengan membincangkan aktiviti-aktiviti Pusat Sumber, aktiviti kelab dan 5S. Mesyuarat ini berlangsung dari pukul 10 pagi sehingga 2.30 petang.

Taklimat Perpustakaan e-PJJ



Pada 18 Februari 2017, Pusat Sumber UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya telah memberi taklimat perpustakaan sempena kemasukan pelajar baru e-pjj di UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya.

Seramai 41 orang pelajar telah menghadiri taklimat tersebut. Taklimat selama 1 jam ini telah disampaikan oleh Pustakawan, Cik Ilya Nur Fateen Othman.

KEJOHANAN SUKAN STAF UiTM KBM 2017

oleh : Cik Ilya Nur Fateen Othman



Pada 22 Februari 2017, beberapa staf Pusat Sumber UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya telah memasuki kejohanan lumba naik tangga dari aras 1 sehingga aras 16. Staf Pusat sumber telah memenangi naib juara dalam kategori veteran wanita, no.3 dan naib juara kategori senior wanita dan juara kategori senior lelaki. Pada 24 Februari acara diteruskan dengan acara tenpin bowling. Staf Pusat Sumber telah menjuari individu wanita dan naib juara bagi berkumpulan wanita.

Taklimat Perpustakaan Minggu Destini Siswa (MDS)



Pada 27 Februari 2017, Pusat Sumber UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya telah memberi taklimat perpustakaan sempena Minggu Destini Siswa (MDS) di UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya. Seramai 69 orang pelajar yang terdiri daripada 3 kampus Alor Gajah (14 orang), Jasin(19 orang) dan Bandaraya(36 orang) telah menghadiri taklimat tersebut. Taklimat selama 1 jam ini telah disampaikan oleh Pustakawan, Cik Ilya Nur Fateen Othman.

PAMERAN GRAPHIC DESIGN DEGREE EXHIBITION (REKA 8)

Oleh : Cik Nurayuni Dayana Nor Azman

Perpustakaan UiTM Kampus Jasin telah mengadakan Pameran Graphic Design Degree Exhibiton (REKA 8)anjuran bersama Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka bermula dari 9 – 28 Februari 2017. Bahan-bahan yang dipamerkan merupakan hasil kerja dan karya kreatif pelajar-pelajar semester akhir Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka. Terdapat juga hasil kreatif pensyarah yang dipamerkan di sini.

Perpustakaan turut menerima sumbangan berbentuk hasil lukisan atas tanda terima kasih atas kesudian perpustakaan mengadakan pameran kerjasama ini. Perpustakaan berharap kerjasama seperti ini dapat diteruskan lagi di samping dapat mempromosikan karya seni mahasiswa UiTM kepada pengguna yang lain



LIBRARY SCAVENGER HUNT

Oleh : Cik Nurayuni Dayana Nor Azman



Pada 12 Februari 2017, Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menjalankan program kerjasama dengan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan iaitu **CAMP '02 – Library Scavenger Hunt**. Program ini telah disertai 30 orang mahasiswa dari Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat dan staf perpustakaan sebagai fasilitator dan penceramah.

Program bermula seawal jam 8 pagi iaitu:

Aktiviti Modul 1: Berbakti kepada tanah, dimana pelajar-pelajar didedahkan dengan aktiviti menanam tumbuhan yang dipantau oleh mahasiswa Fakulti Perladangan dan Agroteknologi. Seterusnya, pelajar terus ke Perpustakaan

Untuk Modul 2: Sesi Taklimat Perpustakaan dan Kelas Kemahiran Maklumat. Selepas solat Zohor, pelajar telah dipecahkan kepada beberapa kumpulan

Untuk Modul 3: Library Scavenger Hunt. Sesi Ice breaking telah dijalankan terlebih dahulu oleh Pustakawan, Cik Nurayuni Dayana Nor Azman supaya peserta lebih mengenali antara satu sama lain. Seterusnya pelajar dipecahkan kepada beberapa kumpulan dan mereka perlu mencari 4 checkpoint yang pastinya setiap checkpoint penuh dengan informasi dan maklumat. Program telah berakhir pada jam 5.30 petang dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah. Peserta memaklumkan mereka sangat berpuas hati dan seronok dengan aktiviti yang telah dijalankan sepanjang hari tersebut.



SESI PENYERAHAN SURAT KENAIKAN PANGKAT KAKITANGAN

KUMPULAN PELAKSANA

Oleh : Cik Nurayuni Dayana Nor Azman



Pada 24 Februari yang lepas, seorang staf Perpustakaan UiTM Melaka Kampus Jasin, Puan Noraizah K.H Abdul Ali telah dinaikkan pangkat dari Pembantu Pustakawan kepada Pembantu Pustakawan Kanan.

Satu sesi penyerahan surat kenaikan pangkat telah disampaikan oleh En Norazman Harun, Pemangku Rektor UiTM Melaka, disaksikan oleh Puan Nor Aishah Hj. Husain, Timbalan Pendaftar dan Puan Rozaimah Mat Sidek, Timbalan Ketua Pustakawan berlangsung di Bilik Pejabat Rektor, UiTM Kampus Alor Gajah. Perpustakaan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada beliau.

Semoga beliau terus komited dan berdedikasi dalam melaksanakan tugas dan amanah yang di berikan. Tahniah!

SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT UiTM Cawangan Johor

Oleh: Pn. Siti Rozana binti Mat Sanat

Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1438H Peringkat UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat telah berlangsung dengan jayanya pada 12 Februari 2017 di Masjid As-Syakirin. Majlis berkenaan disempurnakan dengan kehadiran dan ucapan aluan oleh Rektor Kampus, Profesor Madya Dr. Azizan bin Abdullah. Aktiviti yang diadakan sepanjang majlis ini adalah seperti bacaan berzanji, ceramah agama dan berakhir dengan persembahan nasyid serta bacaan selawat ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW. Perpustakaan Tun Dr. Ismail (PTDI) tidak ketinggalan untuk turut serta memeriahkan majlis tersebut dengan menyertai beberapa pertandingan anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS).



PTDI telah mendapat Johan untuk Pertandingan Perarakan, manakala tempat ke-3 untuk Pertandingan Sepanduk. Bagi Pertandingan Syarahan yang diwakili oleh Puan Norme binti Saleh, telah memenangi tempat Pertama dan Puan Mawar Noor tempat ke-4 . Kumpulan Nasyid AN-NUR Kategori Staf Lelaki dan Perempuan Perpustakaan Tun Dr. Ismail masing-masing Johan untuk pertandingan tersebut. Diharapkan majlis ilmu yang dianjurkan memberi manfaat dan menguatkan lagi ukhuwah seluruh warga PTDI. Semoga sambutan tersebut melahirkan rasa cinta dan kasih kita kepada Rasulullah dengan mengamalkan sunnah Baginda serta memperbanyak selawat. PTDI sentiasa menyokong apa juu aktiviti yang dianjurkan oleh UiTM Cawangan Johor. Tahniah diucapkan kepada semua warga PTDI.



Pertandingan yang disertai adalah Pertandingan Perarakan, Pertandingan Sepanduk, Pertandingan Syarahan, Pertandingan Nasyid Kategori Staf Lelaki dan Wanita.

PROGRAM DERMA DARAH HOSPITAL SULTAN ABDUL HALIM @ PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Oleh: Pn. Atirah Ruslan

Program Derma Darah ini merupakan anjuran bersama buat kali kedua pada tahun 2017. Ia telah bermula pada pukul 9 pagi sehingga 3 petang sahaja. Ramai pengunjung perpustakaan telah memberi sokongan mereka dengan menderma darah secara sukarela. Syabas atas keprihatinan mereka.



Program Derma Darah, anjuran Tabung Darah Hospital Sultan Abdul Halim telah diadakan di Aras 1 Perpustakaan Sultan Badlishah pada 7hb sehingga 8hb Februari 2017



MESYUARAT AGUNG PPM KUMPULAN UTARA BIL.01/2017



YBhg Datuk Prof. Dr. Ramlah Adam
Pengarah Pusat Kajian Institusi Raja, Malaysia

YBhg Prof. Dr. Asiah Sarji
Ahli Akademik, Penulis dan Penggiat Seni

16 Februari 2017

Auditorium
Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra
Universiti Malaysia Perlis

9.00 pagi

Mesyuarat Agung PPM Kumpulan Utara Bil.01/2017 dimulakan dengan ucapan aluan Ketua Pustakawan Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra. Slot Bicara Ilmu "Pembangunan Intelektual dan Khazanah Ilmu" telah disampaikan oleh Datin Paduka Datuk Prof. Dr. Ramlah Adam dan Prof Dr. Asiah Sarji. Melalui Mesyuarat Agung PPM Kumpulan Utara Bil.01/2017 ini, Ketua Perpustakaan, Perpustakaan Sultan Badlishah iaitu Puan Azizah Khasim telah dilantik sebagai Pengurus Jawatankuasa Perpustakaan Akademik.



PROGRAM ANUGERAH NADI ILMU AMALAN MEMBACA (NILAM)

PERINGKAT DAERAH DUNGUN 2017

Oleh : Cik Asmahani Abdullah

Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu telah mengadakan satu program perkongsian pintar bersama Pusat Kegiatan Gurun (PKG) Daerah Dungun dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Dungun melalui penganjuran Program Anugerah Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) Peringkat Daerah Dungun 2017 pada 22 Februari 2017, Rabu yang lalu. Penganjuran program yang bertempat di UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun ini adalah bertujuan untuk memilih Tokoh NILAM Peringkat Daerah Dungun untuk mewakili daerah ke peringkat seterusnya.

Program ini melibatkan beberapa aktiviti seperti berikut:

- Taklimat & Library Tour Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu
- Bengkel Asas Penjilidan Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu
- Pendaftaran & Taklimat Anugerah NILAM kepada Panel Hakim, Calon NILAM, dan Guru Pengiring
- Ujian Penulisan Calon Anugerah NILAM
- Temuduga Individu dan Berkumpulan mengikut Kategori Bahasa Melayu (Sekolah Menengah dan Rendah) dan Bahasa Inggeris (Sekolah Menengah dan Rendah)



Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu telah mengadakan satu program perkongsian pintar bersama Pusat Kegiatan Gurun (PKG) Daerah Dungun dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Dungun melalui penganjuran Program Anugerah Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) Peringkat Daerah Dungun 2017 pada 22 Februari 2017, Rabu yang lalu.

Penganjuran program yang bertempat di UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun ini adalah bertujuan untuk memilih Tokoh NILAM Peringkat Daerah Dungun untuk mewakili daerah ke peringkat seterusnya.



SAMBUTAN HARI INOVASI PERINGKAT UiTM CAWANGAN TERENGGANU 2016/2017

Oleh : Cik Asmahani Abdullah



Majlis Hari Inovasi UiTM Cawangan Terengganu 2015/2016 telah disambut dengan meriah pada 12 Februari 2017, Ahad yang lalu bagi meraih serta memberi pengiktirafan kepada setiap tugas yang dilaksanakan dengan penuh kesungguhan dan komited oleh seluruh warga. Diadakan di Dewan Aspirasi UiTM Cawangan Terengganu, perasmian majlis yang penuh gilang-gemilang ini telah disempurnakan oleh YB Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah, Pengurus Yayasan Minda, merangkap Mantan Naib Canselor UiTM. Antara kakitangan Perpustakaan Cendekiawan yang diraih dalam majlis ini ialah:



Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015

- Puan Anuar Awang (Mantan Timbalan Ketua Pustakawan)
- Cik Asmahani Abdullah (Pustakawan Kanan)
- En. Khairuddin Salleh (Pustakawan Kanan)
- En. Nik Ahmad Kamal Nik Wadi (Pembantu Pustakawan)

Penerima Khidmat Setia 30 Tahun

- En. Fauzee bin Ngah (Pembantu Pustakawan Kanan)
- En. Zulkifli bin Salleh (Pembantu Pustakawan Kanan)

Bahagian Perpustakaan Cendekiawan juga telah dinobatkan sebagai Naib Johan dalam Penilaian Anugerah Kualiti Rektor (PAKAR) 2016 Peringkat Bahagian UiTM Cawangan Terengganu. Syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat. Semoga pengiktirafan ini menjadi pemangkin kepada kecemerlangan bahagian pada masa akan datang.

KURSUS ASAS PENGURUSAN REKOD UNTUK PEGAWAI REKOD

JABATAN DAN PEMBANTU TADBIR REKOD JABATAN

Oleh : Pn. Hanani Rojikin



Unit Arkib Universiti Perpustakaan Al-Bukhari telah menganjurkan satu kursus berkaitan tatacara pengurusan fail dan rekod pada 16 Februari 2017 yang lalu. Bertempat di Bilik IT 1 (Anggerik), kursus yang bertajuk **“Kursus Asas Pengurusan Rekod Untuk Pegawai Rekod Jabatan Dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan”** ini berlangsung selama satu (1) hari.

Diantara objektif kursus ini adalah untuk memberi kefahaman dan kesedaran tentang pentingnya amalan pengurusan rekod yang baik dan meningkatkan kecekapan dalam penggunaan serta pengendalian fail dan rekod. Seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai Rekod Jabatan dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan dari seluruh bahagian UiTM Cawangan Pahang telah menghadirkan diri ke kursus ini.

Kursus ini dibahagikan kepada dua sesi. Sesi pertama telah disampaikan oleh Pn. Syazwani bt. Ja'afar, Penolong Pengarah Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang, manakala sesi kedua pula disampaikan oleh En. Norhazlan b. Nordin, Pustakawan Tingkatan Kanan, Unit Arkib Perpustakaan Al - Bukhari. Kursus berakhir pada jam 4.30 petang.

Bagi menyeragamkan pengurusan rekod jabatan, Unit Arkib Universiti akan mengadakan kursus yang sama di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Raub yang dijadualkan pada 2 Mac 2017. Semoga kursus tersebut berjalan dengan jayanya.

LAWATAN PROFESSOR HIROYA OBAIYASHI

Tokyo University of Agriculture

Oleh : Pn. Hanani Rojikin



Pada 17 Februari 2016, Perpustakaan Al-Bukhari telah menerima kunjungan daripada Professor Hiroya Obaiyashi, Professor daripada Tokyo of Agriculture University. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang penyelidikan perkayuan. Lawatan Professor Obaiyashi ke perpustakaan adalah sebahagian daripada program lawatan ke Fakulti Perkayuan UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka.

Kunjungan hormat Professor Obaiyashi ke perpustakaan telah diiringi oleh beberapa orang pensyarah dari Fakulti Perkayuan iaitu Prof. Dr. Jamaludin b. Kasim, PM Dr. Nor Yuziah bt. Mohd Yunus dan PM Dr. Wan Mohd Nazri b. Wan Abdul Rahman. Turut sama mengiringi ialah PM Dato' Dr. Haji Hilmie b. Ab Rahman.

DIY EDUCATIONAL TOYS

Oleh: Pn. Nurhayati binti Hassan



Pada 21-28 Februari 2017, PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam telah mengadakan aktiviti DIY Educational Toys. Di mana, para peserta dikehendaki menggunakan bahan-bahan kitar semula seperti kotak tisu dan botol mineral dalam merekacipta produk atau permainan bertemakan bahan bantu mengajar kanak-kanak.

Aktiviti ini diadakan dengan kerjasama Jawatankuasa Perwakilan Kolej Al-Zahrawi UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam yang banyak membantu dalam tugas promosi aktiviti kepada para pelajar.



Pemilihan pemenang dinilai berdasarkan kreativiti, kekemasan dan kegunaan produk. Produk-produk yang dihasilkan ini akan dihadiahikan kepada kanak-kanak terpilih. Untuk gambar-gambar menarik dan info lanjut boleh rujuk Facebook Perpustakaan Uitm Bertam



LAWATAN SEKOLAH


Oleh: Pn. Zuraida Abdul Karim



SMK OYA MUKAH
7 FEB 2017

Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menerima kunjungan daripada pelajar-pelajar dan guru-guru dari Sekolah Kebangsaan SMK Oya Mukah pada 7 Februari 2017 yang lalu. Pelawat-pelawat telah diberi taklimat ringkas dan dibawa melawat sekitar bangunan Perpustakaan.

LATIHAN PENGGUNAAN MESIN PENGIMBAS (E-SCAN OPEN SYSTEM)



Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak telah menganjurkan Latihan Penggunaan Mesin Pengimbas (E-Scan Open System) pada 7 dan 8 Februari 2017 yang lepas bertempat di Ruang Pejabat AM PTAR Kampus Samarahan 2. En. Zainudin Zakaria dari Impiana Digital Sdn Bhd telah dijemput sebagai fasilitator dan telah dihadiri oleh semua staf Unit Perkhidmatan Maklumat (UPM), Unit Arkib (UA), Unit Sokongan Dan Penyelidikan (USP) dan Unit Jurnal Dan Pangkalan Data (UJPD).

HARI MESRA PELANGGAN (HMP) 2017

Oleh: Pn. Zuraida Abdul Karim



Hari Mesra Pelanggan (HMP) 2017 anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Sarawak adalah merupakan acara dwi tahunan. Program ini telah diadakan pada 21-23 Februari 2017 bertempat di PTAR Kampus Samarahan 1 dan telah dirasmikan oleh YB Rubiah Hj Wang, Ahli Parlimen P197 Kota Samarahan. Program ini telah dihadiri oleh pelajar-pelajar bersama guru pengiring SMK Kota Samarahan dan SMK Muara Tuang, staf dan pelajar-pelajar UiTM Cawangan Sarawak.



Sepanjang penganjuran selama tiga (3) hari tersebut, pelbagai aktiviti telah dijalankan. Antaranya pertandingan mencipta logo dan video pendek, pameran-pameran buku, pemeriksaan kesihatan, cabutan bertuah serta pameran dari agensi luar seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia. Disamping itu, pelbagai permainan juga telah dipertandingkan seperti teka guli, sepak bola (Googoal), jengkek dan juga dart. Program tiga (3) hari ini mendapat sambutan baik daripada pengunjung. Tahniah diucapkan.

LAWATAN MESRA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

Oleh: Pn. Zuraida Abdul Karim




Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2 telah menerima kunjungan daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) daripada Politiknek Kuching Sarawak pada 24 Februari 2017 yang lalu. Kujungan ini bertujuan melengkapkan program diskusi MPP Politeknik Kuching Sarawak bersama MPP UiTM Sarawak. Terima kasih diucapkan kepada MPP Politeknik Kuching Sarawak kerana sudi berkunjung ke PTAR 2 UiTM Cawangan Sarawak. Semoga jalinan kerjasama ini akan berterusan pada masa akan datang.



PELANCARAN SISTEM e-Room LIBRARY RESERVATION

Oleh: Pn. Marlia Yuming



Pelancaran E-Room Library Reservation (Tempahan Bilik Perpustakaan atas Talian) pada 17 Februari 2017 oleh YBhg Profesor Madya Datuk Dr Hj. Abdul Kadir Hj. Rosline Rektor UiTM Cawangan Sabah bertempat di Dewan Tun Mustapha Sempena Amanat Rektor Tahun 2017.

Pengguna sama ada pelajar atau staf boleh menempah bilik-bilik Perpustakaan melalui atas talian yang boleh diakses 24 jam sehari dan 7 hari seminggu dan telah mula dilaksanakan pada 02 Februari 2017 yang lalu.

Sebelum ini, pengguna membuat tempahan melalui kaedah mengisi borang Kaunter Utama di Perpustakaan dan masa untuk membuat tempahan bilik Perpustakaan adalah terhad iaitu mengikut masa Perkhidmatan Perpustakaan sahaja.

PELANCARAN WAKAF BUKU DI PERPUSTAKAAN



Pelancaran Wakaf Buku pada 17 Februari 2017 oleh YBhg Profesor Madya Datuk Dr Hj. Abdul Kadir Hj. Rosline Rektor UiTM Cawangan Sabah bertempat di Dewan Tun Mustapha Sempena Amanat Rektor Tahun 2017.

PEMBUKAAN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UiTM

CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS REMBAU

Oleh: Pn. Siti Hajar Zambri



Pada 1 Februari 2017 yang lepas, seramai empat kakitangan telah melapor diri di UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau. Pada hari tersebut juga telah berlangsung sesi perjumpaan bersama Ketua Perpustakaan PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Puan Hajah Wan Norizan Wan Mansor, Timbalan Pustakawan Kanan.

LATIHAN INDUSTRI DI PTAR UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



Pada 1 Februari 2017 yang lepas, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah telah menerima seramai dua orang pelajar praktikal iaitu Saudari Norashikin Roslan, pelajar program Sarjana Muda Sains Maklumat Pengurusan Perpustakaan, Falkulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Kedah Kampus Merbok dan Saudari Nazifah Md Malik pelajar Sarjana Muda Sains Maklumat Pengurusan Perpustakaan, Falkulti Pengurusan Maklumat, UiTM Selangor Kampus Puncak Perdana.



Manakala PTAR Kampus Seremban telah menerima seorang pelajar iaitu Saudari Siti Rozainah Abu Bakar pelajar Program Sarjana Muda Sains Pengurusan Maklumat (Pusat Sumber Maklumat), Falkulti Pengurusan Maklumat UiTM Selangor Kampus Puncak Perdana. Latihan industri ini bermula pada bulan Februari 2017 dan dijangka akan berakhir pada 30 Jun 2017. Pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Negeri Sembilan mengucapkan selamat menjalani latihan industri.

MAJLIS BACAAN YASSIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK KAMPUS REMBAU

Oleh: Pn. Siti Hajar Zambri



Pada 2 Februari 2017 yang lepas, Perpustakaan Tun Abdul Razak, Cawangan Negeri Sembilan telah mengadakan majlis bacaan surah Yassin sempena pembukaan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Rembau. Majlis ini telah disertai kakitangan daripada Kampus Kuala Pilah, Seremban dan Kampus Rembau. Pada hari yang sama juga, telah berjalan aktiviti gotong-royong menyusun atur perabot dan rak buku di PTAR Kampus Rembau.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk mewujudkan hubungan silaturrahim diantara kakitangan bagi ketiga-tiga kampus. Semoga ukhwah yang terjalin diantara ketiga-tiga kampus akan berkekalan. Selamat maju jaya dan semoga terus sukses buat PTAR Kampus Rembau

KOLEKSI BAHAN PERPUSTAKAAN KE PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK KAMPUS REMBAU



Koleksi bahan perpustakaan telah dipindahkan daripada PTAR Kampus Kuala Pilah ke PTAR Kampus Rembau pada 20 haribulan Februari 2017 yang lalu. Koleksi bahan perpustakaan PTAR Kampus Rembau ini adalah bahan koleksi silihur yang telah diuruskan oleh PTAR Kampus Kuala Pilah sebelum ini.

Pihak PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan mengucapkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada kakitangan yang terlibat semasa menjalankan proses perpindahan koleksi bahan perpustakaan berkenaan.

PERJUMPAAN REKTOR UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Oleh: Pn. Siti Hajar Zambri

Pada 21 haribulan Februari 2017, telah berlangsungnya Majlis Perjumpaan Rektor bersama warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan bertempat di UiTM Kampus Rembau. Perjumpaan yang julung kali diadakan bagi tahun 2017 ini telah disertai oleh warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan meliputi Kampus Kuala Pilah, Kampus Seremban dan Kampus Rembau. Warga Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Cawangan Negeri Sembilan juga tidak melepaskan peluang bagi bersama-sama menyertai majlis tersebut.



PENERIMAAN BAHAN DARIPADA PTAR KAMPUS PUNCAK PERDANA DI PTAR KAMPUS REMBAU



Pada 22 haribulan Februari 2017, PTAR Kampus Rembau telah menerima koleksi bahan perpustakaan daripada PTAR UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana.

Penerimaan bahan koleksi ini terdiri daripada koleksi subjek Sains Perpustakaan. Pihak PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan mengucapkan sekalung penghargaan kepada kakitangan PTAR Kampus Puncak Perdana dan PTAR Cawangan Negeri Sembilan yang terlibat semasa menjalankan proses penerimaan koleksi bahan perpustakaan.

BACAAN SURAH YASSIN DAN TAZKIRAH BULANAN

PTAR NEGERI SEMBILAN KAMPUS KUALA PILAH

Oleh: Pn. Siti Hajar Zambri



Pada 24 Februari 2017, Majlis Bacaan Surah Yassin dan tazkirah bulanan diadakan di Bilik Mesyuarat PTAR yang bermula pada 8.30 pagi sehingga 10.30 pagi. Tazkirah pada kali ini bertajuk "**Mengenal Diri Mengenal Allah**" yang telah disampaikan oleh Ustaz Faizul Abdan Pegawai Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah.

Tazkirah kali ini memberi pengetahuan tentang mengenali Allah dari sifat-sifat Nya dan memupuk lagi kecintaan padanya. Program ini adalah acara bulanan yang dijalankan di PTAR Cawangan Negeri Sembilan.



SALAM TAKZIAH

Dukacita dimaklumkan bonda Puan Jumilah@ Zainab Jailani, Kerani Tingkatan Kanan dari Bahagian Pengurusan Bakat Dan Dana (BPBD) Perpustakaan Tun Abdul Razak telah kembali ke rahmatullah pada hari Jumaat jam 3.00 petang (3 Mac 2017) di Hospital Besar Kluang, Johor

Dimaklumkan juga bonda kepada Encik Md Sayuti Dahan Pembantu Pustakawan Perpustakaan Sains & Teknologi PTAR telah kembali ke rahmatullah pada 1 Februari 2017 (Rabu). Jenazah al-marhumah telah selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Kg. Ramuan China, Masjid Tanah, Melaka.

Bersama-sama kita berdoa dan sedekahkan Al-Fatihah kepada arwah dan semoga ALLAH s.w.t. mencucuri rahmat ke atas roh Allahyarhamah dan ditempatkan bersama-sama mereka yang beriman dan beramal soleh. Al-Fatihah.

"Sesungguhnya dari ALLAH kita datang, kepadaNYA kita akan Kembali"

Takziah daripada warga PTAR

"Sesungguhnya Allah, hanya pada sisi-Nya sajalah pengetahuan tentang Hari Kiamat; dan Dia-lah Yang menurunkan hujan, dan mengetahui apa yang ada dalam rahim. Dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui (dengan pasti) apa yang akan diusahakannya besok. Dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui di bumi mana dia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal." (Luqman 31:34)